



SOALAN LAZIM
FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA
KUMPULAN PELAKSANA SESI 2018

A. PENGENALAN

- 1. Apakah yang dimaksudkan dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP)?**

CBBPDBKP merupakan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa kepada Kumpulan Pelaksana untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa.

- 2. Apakah tujuan utama CBBPDBKP diberikan kepada Kumpulan Pelaksana?**

Kemudahan ini diperkenalkan bertujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bagi memberi peluang kepada Kumpulan Pelaksana untuk meningkatkan pengetahuan melalui perolehan sijil-sijil akademik dan latihan kemahiran yang diiktiraf sesuai dengan keperluan perjawatan dan perkhidmatan yang diberikan di samping membuka peluang Kumpulan Pelaksana mempertingkatkan kualiti hidup dan boleh menjana pendapatan yang lebih baik.

B. MAKLUMAT PERMOHONAN

3. Siapakah yang layak untuk memohon CBBPDBKP?

Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di dalam Kumpulan Pelaksana yang berkhidmat secara tetap adalah layak untuk memohon kemudahan ini.

4. Apakah peringkat pengajian serta institusi pengajian yang dibenarkan di bawah kemudahan ini?

Kemudahan ini diberikan untuk menaja pengajian di peringkat:

- i. Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia di Pusat Bertauliah Awam (PBA) yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran;
- ii. Diploma di Universiti Awam dan Politeknik; dan
- iii. Ijazah Pertama di Universiti Awam dan Politeknik Premier.

Senarai PBA, Politeknik dan Universiti Awam adalah seperti di **LAMPIRAN 5**.

5. Bolehkah calon memohon pengajian di universiti swasta atau universiti yang ada kerjasama dengan UA?

Tidak.

6. Apakah peringkat pengajian yang tidak ditaja di bawah program ini?

Peringkat pengajian yang tidak ditaja adalah:

- i. Sijil Kemahiran Malaysia di bawah tempoh 12 bulan
- ii. Sijil Profesional
- iii. Diploma Pasca Siswazah
- iv. Sarjana
- v. Ijazah Kedoktoran

7. Apakah bidang pengajian yang boleh dipohon di bawah kemudahan ini?

Bidang pengajian yang boleh dipohon adalah seperti berikut:

- i. Bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education Training - TVET*). Senarai Bidang adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.
- ii. Bidang-bidang yang dibenarkan bagi pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama adalah seperti di **LAMPIRAN 3**.

8. Apakah bidang yang tidak ditaja di bawah program ini?

CBBPDBKP tidak menaja bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi, Undang-undang dan Veterinar di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama. Bidang Pendidikan pula hanya akan ditawarkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja.

9. Berapa lamakah tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah kemudahan ini?

Tempoh pengajian yang dibenarkan adalah berdasarkan tempoh pengajian yang lazim dan ditetapkan seperti berikut:

- i. Sijil Kemahiran Malaysia (12-24 bulan)
- ii. Diploma Kemahiran Malaysia (24-36 bulan)
- iii. Diploma (24-36 bulan)
- iv. Ijazah Pertama (36-48 bulan)

C. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

10. Apakah syarat-syarat umum permohonan kemudahan ini?

- (i) **Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (Kumpulan Pelaksana)** yang sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan tetap**;
- (ii) **Telah disahkan** dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) Mencapai markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** skim perkhidmatan terkini **secara berturut-turut (2014, 2015 & 2016)**. **Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan**;
- (iv) Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah mengikuti kursus pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
- (v) Permohonan **diperaku** oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan;
- (vi) **Bebas** dari sebarang pertuduhan/tindakan tatatertib/dakwaan mahkamah;
- (vii) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam senarai hitam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain;
- (viii) Telah mengisytiharkan harta; dan
- (ix) Calon perlu bebas dari sebarang penyakit kronik seperti **LAMPIRAN 4**.

11. Apakah syarat-syarat khusus permohonan kemudahan ini?

Syarat-syarat khusus pemohonan kemudahan ini:

PERINGKAT	SYARAT KHUSUS
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA	<ul style="list-style-type: none"> i) Had umur tidak melebihi 45 tahun pada 1 Januari 2018; ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tarikh tutup permohonan; iii) Pegawai mengikuti kursus/latihan kemahiran yang setahap atau kombinasi dengan tempoh 12 – 24 bulan.
DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA	<ul style="list-style-type: none"> i) Had umur tidak melebihi 45 tahun pada 1 Januari 2018; dan ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tarikh tutup permohonan; dan iii) Pegawai mengikuti kursus/latihan kemahiran yang setahap atau kombinasi dengan tempoh 24 – 36 bulan.
DIPLOMA	<ul style="list-style-type: none"> i) Had umur tidak melebihi 45 tahun pada 1 Januari 2018; ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tarikh tutup permohonan; dan iii) Memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya lima (5) kepujian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk subjek Bahasa Melayu dan Sejarah dan setara (mengikut syarat keperluan Universiti).

PERINGKAT	SYARAT KHUSUS
IJAZAH SARJANA MUDA	<ul style="list-style-type: none"> i) Had umur tidak melebihi 45 tahun pada 1 Januari 2018; ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun pada tarikh tutup permohonan; dan iii) Memperoleh sekurang-kurangnya Band 3 bagi keputusan <i>Malaysian University English Test</i> (MUET).

D. TATACARA PERMOHONAN

12. Bagaimanakah kaedah untuk memohon kemudahan ini?

- i. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan secara dalam talian (**LAMPIRAN A**) di portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 28 Ogos sehingga 15 September 2017**;
- ii. **Borang yang telah lengkap** diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan bersama-sama:
 - (a) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi pegawai yang memohon pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama; dan
 - (b) Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga).
- iii. Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan; dan

13. Bilakah pengajian boleh dimulakan?

Penawaran akan dibuat pada hujung tahun 2017 bagi mengikuti pengajian pada tahun 2018.

14. Bilakah tarikh tutup permohonan?

Permohonan secara atas talian akan ditutup pada 15 September 2017.

15. Perlukah permohonan mendapat perakuan Ketua Jabatan?

Ya. Permohonan atas talian yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan bagi mendapatkan sokongan dan perakuan.

16. Bagaimakah proses saringan dibuat?

Proses saringan oleh JPA dibuat melalui dua (2) kaedah:

- i. Saringan dokumentasi dan perkhidmatan calon; dan
- ii. Saringan temu duga oleh panel-panel yang dilantik oleh JPA.

Hanya calon yang melepas syarat-syarat permohonan akan dipanggil menghadiri temu duga. Pemilihan pegawai adalah berdasarkan merit yang diperolehi calon menerusi tapisan dokumen serta sesi temu duga.

E. ISU-ISU BERKAITAN PERMOHONAN

17. **Bolehkah calon memohon peringkat pengajian yang sama seperti yang telah dimiliki? Contohnya, calon telah mempunyai kelayakan peringkat Diploma dan ingin memohon pengajian di peringkat yang sama.**

Tidak boleh. Calon hanya boleh memohon peringkat pengajian yang lebih tinggi sahaja selaras dengan prinsip penajaan semasa.

18. **Bolehkah calon memohon peringkat pengajian yang lebih rendah daripada kelayakan yang telah dimiliki? Contohnya, calon telah mempunyai kelayakan peringkat Ijazah dan ingin memohon pengajian di peringkat Diploma.**

Tidak boleh. Calon hanya boleh memohon peringkat pengajian yang lebih tinggi sahaja selaras dengan prinsip penajaan semasa.

19. **Bolehkah calon menukar kepada kemudahan CBBPDBKP sekiranya calon sedang mengikuti pengajian di bawah kemudahan-kemudahan lain. Contoh kemudahan-kemudahan lain adalah seperti Cuti Belajar Separuh Gaji, Program Skills Malaysia, Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Program Yuran Pengajian Secara Separuh Masa.**

Tidak boleh.

20. **Bolehkah calon yang pernah ditawarkan lain-lain kemudahan cuti belajar dan penajaan memohon kemudahan CBBPDBKP?**

Boleh sekiranya pegawai mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/sederhana/pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut:-

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (Pada 1 Januari 2018)
Lebih 12 bulan	2 tahun
Lebih dari 3 bulan, kurang dari 12 bulan	1 tahun
Kurang dari 3 bulan	Tiada

Senarai kemudahan cuti belajar/penajaan:

- i. Cuti Belajar Separuh Gaji;
- ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh (Skills Malaysia / SPADA / Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial UKM);
- iii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (Diploma);
- iv. Program Yuran Pengajian Secara Separuh Masa; dan
- v. Pinjaman Boleh Ubah.

F. PERMOHONAN KEMASUKAN KE TEMPAT PENGAJIAN

21. Bagaimanakah pegawai yang berjaya ditawarkan kemudahan ini mendapatkan tempat pengajian?

- i. Calon yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia di Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam (Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan, Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan, institusi latihan di bawah Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan dan institusi latihan di bawah Majlis Amanah Rakyat) serta pengajian peringkat Diploma dan Ijazah Pertama di Universiti Awam dan Politeknik perlu mengemukakan permohonan melalui laman **UPUOnline**. Maklumat lanjut bolehlah diperolehi di <http://upu.mohe.gov.my/web/>
- ii. Calon yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia selain di Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam perlulah mengemukakan permohonan secara terus ke PBA yang berkenaan. Maklumat PBA tersebut boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Pembangunan Kemahiran di <http://www.dsd.gov.my/index.php/my/perkhidmatan/skm>

22. Bilakah permohonan kemasukan melalui UPUOnline dibuka?

Permohonan kemasukan akan dibuka pada bulan Januari/Februari setiap tahun.

23. Bilakah permohonan kemasukan ke PBA selain melalui UPUOnline dibuka?

Kemasukan adalah berbeza bagi setiap PBA. Sehubungan itu, calon perlu merujuk senarai PBA di laman web Jabatan Pembangunan Kemahiran <http://www.dsd.gov.my/index.php/my/perkhidmatan/skm> dan mengemukakan permohonan secara terus kepada PBA.

G. KEMUDAHAN

- 24. Apakah kemudahan (biasiswa) yang akan diterima?**

Calon yang berjaya akan ditawarkan kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB)** bagi mengikuti pengajian dengan penajaan biasiswa daripada Kerajaan yang merangkumi bayaran yuran pengajian dan elaun-elaun yang berkelayakan sepanjang tempoh pengajian.

H. ISU-ISU BERKAITAN PENAJAAN

- 25. Apakah kesan sekiranya pegawai yang berjaya ditawarkan kemudahan ini tetapi gagal mendapatkan tempat pengajian bagi tahun 2018?**

Penawaran kemudahan adalah terbatal dan calon tersebut akan disenarai hitamkan dari memohon kemudahan yang sama bagi tiga (3) kali sesi penawaran.

- 26. Apakah kesan ke atas kemudahan sekiranya calon berjaya mendapatkan tempat pengajian tetapi gagal memperolehi Band 3 MUET?**

Penawaran kemudahan adalah terbatal dan calon tersebut akan disenarai hitamkan dari memohon kemudahan yang sama bagi tiga (3) kali sesi penawaran.

- 27. Apakah kesan sekiranya pegawai gagal memperoleh pencapaian prestasi akademik 3.0 Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) setiap semester?**

Kemudahan ini akan **ditamatkan** sekiranya pegawai tidak berjaya mengekalkan prestasi akademik **3.00 Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) setiap semester** bagi pengajian di peringkat Diploma/Diploma Kemahiran Malaysia dan Ijazah Pertama serta tindakan penalti tuntutan gantirugi akan dikenakan ke atas pegawai.

- 28. Apakah kesan sekiranya pegawai ditamatkan pengajian atas sebab-sebab lain (disiplin, menarik diri, masalah kesihatan dan lain-lain)?**

Kemudahan akan ditamatkan dan penerima akan dikenakan tindakan penalti tuntutan gantirugi berdasarkan kepada Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya.

I. KESAN PERKHIDMATAN

- 29. Apakah kesan ke atas perkhidmatan bagi calon yang menerima kemudahan CBBPDBKP?**

Kesan Perkhidmatan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009: Kesan Ke atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan Cuti Bergaji penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji.

TAMAT